



conference proceeding



SIMPOSIUM NUSANTARA⁹

THE 9TH REGIONAL SYMPOSIUM OF THE MALAY ARCHIPELAGO
Revisit Islamic Civilization and Built Environment In The Malay World

11 & 12 December 2012
Al-Khawarizmi Lecture Hall
UiTM(Perak)

Organized by:
Centre for Knowledge & Understanding of Tropical Architecture & Interior (KUTAI)
Centre for Islamic Thought & Understanding (CITU)
Centre for Architecture, Planning & Surveying (FSPU)
Faculty of Architecture, Planning & Surveying (Perak)
Universiti Teknologi MARA (Perak)
<http://perak.uitm.edu.my/simpورا9>



FSPU

PAPER CODE : AC119

PENGARUH SENI ISLAM DALAM TARIAN DABUS PERAK: SATU TINJAUAN LAPANGAN

Rozimah Bidin^a, Juriah Mohd Amin^b

^aFakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA (Perak), Malaysia

^bPusat Pemikiran dan Keahaman Islam (CITU) Universiti Teknologi MARA (Perak), Malaysia

^arozim409@perak.uitm.edu.my, ^bjuria876@perak.uitm.edu.my

Abstrak

Kebanyakan geraktari tarian tradisional Melayu diwarisi daripada kaum keluarga terdekat seperti nenek, datok, bapa, bapa saudara dan sepupu sehinggakan asal-usulnya sukar untuk dikenalpasti. Tarian dabus ialah salah satu tarian tradisi Melayu negeri Perak yang diwarisi dari zaman ke zaman. Pada suatu ketika dahulu tarian ini begitu popular dalam kalangan masyarakat umum setempat. Geraktari asli tarian dabus yang diamalkan mempunyai peraturan dan amalan tertentu. Peraturan dan amalan bermula daripada sebelum persembahan tarian sehinggalah tarian tamat. Perkembangan Islam di Alam Melayu telah mempengaruhi sedikit sebanyak peraturan dan amalan dalam tarian dabus serta mengikis beberapa amalan asal dalam tarian tersebut. Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan peraturan dan amalan yang masih digunakan dalam persembahan gerak tari tarian dabus hari ini. Perbincangan akan menjurus kepada membandingkan peraturan dan amalan geraktari asli tarian dabus sebelum dan selepas Islam. Maklumat diperolehi menerusi tinjauan lapangan dengan penggiat tarian ini.

Kata kunci: tarian melayu, tarian dabus, tarian tradisional

1. Pengenalan

Tarian dabus adalah salah satu tarian tradisi yang masih popular dalam kalangan masyarakat Melayu. Tarian ini dianggap sebagai tarian rakyat, yang mula mendapat sambutan masyarakat sekitar tahun 1600an iaitu hampir ratusan tahun yang lalu. Tarian ini dikatakan berasal dari Tanah Arab, berkembang di Aceh dan di bawa ke Tanah Melayu melalui urusan perdagangan (Mohamed Ghouse Nasaruddin, 1994). Tarian ini terdapat di Semenanjung Malaysia dan di Sabah. Di negeri Perak, tarian dabus masih aktif di beberapa tempat seperti di sekitar Daerah Manjung, Bagan Datok dan Perak Tengah. Di Daerah Perak Tengah, Kampong Tanjung Bidara, Kampong Gajah merupakan kawasan yang masih aktif mengamalkan dan mengada persembahan tarian ini (Tn Hj. Ismail bin Yusof & Nasaruddin bin Abdullah Sani, 2012). Setiap daerah mempunyai gaya persembahan tersendiri, namun untuk perbincangan lanjut kertas kerja ini hanya tertumpu kepada persembahan tarian dabus di Kampong Tanjung Bidara, Kg Gajah. Temubual dengan penggiat tarian dabus dapat menambah mengetahui dan membincangkan isu-isu semasa yang dihadapi oleh penggiat tarian tersebut. Perkataan dabus dalam bahasa Arab bermakna 'tongkat' (*stick*) atau jarum tajam (*sharp pin*) (Zarinah Sarifan, 1996) manakala perkataan dabus dalam bahasa Bugis bererti besi atau lembing tajam (Mohamed Ghouse Nasaruddin, 1994). Daripada makna ini dihasilkan satu alat dipanggil anak dabus yang dipegang oleh penari ketika menari. Anak dabus inilah yang menjadi daya penarik kepada tarian Dabus itu sendiri. Anak dabus berfungsi sebagai alat untuk menunjukkan kekebalan dan mengeluarkan bunyi kemercik semasa menari apabila ia diketuk ke badan. Alat ini jugalah yang memberi nama kepada tarian tradisional ini iaitu Tarian Dabus.

Persembahan tarian dabus di Kampong Tanjung Bidara di pengaruhi oleh cara hidup orang Melayu tempatan (budaya, amalan dan adat), dan jua dipengaruhi oleh perkembangan syiar Islam (Tn Hj. Ismail bin Yusof & Nasaruddin bin Abdullah Sani, 2012). Tujuan kertas kerja ini adalah untuk membincangkan amalan yang masih digunakan dalam persembahan gerak tari tarian dabus selaras dengan syiar Islam dalam seni tradisi. Perbincangan menjurus kepada amalan geraktari asli tarian Dabus selepas pengaruh Islam yang memberi manfaat kepada keteguhan pegangan Islam dalam kalangan pengamal persembahan tarian tradisi ini dan sesuai untuk tontonan umum.

2. Sejarah Tarian Dabus

Tarian dabus merupakan tarian tradisi warisan yang diturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang terdekat. Asal-usul tarian dabus ini sukar untuk dikenalpasti namun dipercayai ia berasal dari Tanah Arab dan menjadi sebahagian daripada kegiatan masa lapang masyarakat (Mohd Ghouse Nasaruddin, 1994). Disamping itu, ada pendapat yang menyatakan tarian ini berasal daripada Parsi yang dibawa pedagang ke Batu Bahara, Sumatera pada abad ke 15. Pada awal tahun 1600, pedagang dari Batu Bahara berhijrah ke Kampung Telaga Nenas daerah Manjung, di bawa ke Pasir Panjang Laut, Sitiawan dan dikembangkan pula ke Bagan Datoh dan Selangor. Pada kurun ke 18 para pedagang Islam telah membawa tarian ini ke Tanah Melayu setelah diperkenalkan di Sumatera, terutamanya di daerah Aceh. Persembahan tarian dabus buat kali pertama dipersembahkan di hadapan para penduduk di daerah Pasir Panjang Sitiawan, Perak (Asmad, 1990). Tarian dabus dipercayai dimainkan di negeri Perak sejak ratusan tahun dahulu, di zaman pemerintahan Sultan Mudzaffar shah II dari tahun 1636 hingga 1654 (Zarinah Hj. Sarifan, 1996). Asal usul tarian dabus di Kampung Tanjung Bidara, Kampong Gajah, sukar untuk dikenalpasti kerana tidak mempunyai sebarang rekod bertulis. Tarian ini berkembang secara tidak langsung melalui ikut ikutan dan penceritaan dari mulut ke mulut sehingga kini. Menurut penggiat tarian, tarian ini berasal dari Aceh yakni satu tempat yang bernama Jambi. Alang Dollah merupakan seorang daripada anak tok pawang Bakar dari Aceh yang merantau ke negeri Perak dan menetap di di Tanjung Bidara. Beliau telah berkahwin dengan orang tempatan dan hasil perkahwinannya itu, beliau telah dikurniakan anak yang diberi nama Salleh iaitu Tuan Haji Salleh bin Alang Dollah (Mohamad Nazri Ahmad, 1998; Tn Hj. Ismail bin Yusof & Nasaruddin bin Abdullah Sani, 2012). Tuan Haji Salleh bin Alang Dollah meneruskan aktiviti tarian dabus sehingga beliau meninggal dunia, dan diambalalih Oyang Cu, kemudian Haji Deris bin Cu, diambil alih oleh Seteh b. Anjang Ria yang meninggal dunia pada tahun 2010. Tarian ini sekarang diambil alih oleh sepupu Seteh b. Anjang Ria yang bernama Nasaruddin bin Abdullah Sani dan beberapa keluarga terdekat.

3. Persembahan Tarian Dabus

Tarian dabus merupakan tarian tradisional yang mempunyai unsur-unsur ritual, kebatinan dan kekebalan, disamping menerapkan unsur-unsur nasihat selaras dengan syariat Islam. Tarian ini mempunyai unsur-unsur lupa, namun begitu tidak dipengaruhi oleh unsur-unsur lupa sepenuhnya dan perlu diberi perhatian bagi memastikan seni persembahan tarian ini dibolehkan dalam Islam. Persembahan tarian dabus asli melibatkan persiapan alat, zikir, pembentukan pemuzik, penari, dan langkah tari (Rozimah bt Bidin & Maziah Abd Rashid, 2007). Alat-alat yang digunakan dalam tarian dabus terdiri daripada bahan jampi, anak dabus dan alat muzik. Bahan jampi diperlukan untuk proses menjampi pada alat, kawasan persembahan, penyembuhan luka dan penutup persembahan. Jampi berperanan melindungi dari berlakunya sebarang kesukaran sepanjang persembahan berlangsung. Untuk menjampi bahan-bahan seperti kemenyan, beras, bertih, tepung tawar, dan daun-daunan perlu disediakan seperti pada gambar 1. Daun-daunan menjadi sebahagian daripada bahan perubatan Melayu (Amat Juhari Moain, 1990). Anak dabus berperanan sebagai alat menunjukkan kekebalan dan alat muzik. Anak dabus tiga kelopak dikenali sebagai cabang tiga digunakan dalam tarian ini. Panjangnya 15 – 30 sentimeter dan beratnya 200 gram yang diperbuat daripada besi dan aluminium. Ia mempunyai tiga kelopak dan setiap kelopak dilengkapi cincin. Cincin akan mengeluarkan bunyi kemercik apabila dihentak. Hujung anak dabus diasah tajam bertujuan untuk mencucuk bahagian badan terutamanya pada lengan. Semasa mencucuk tempat cucukan tidak akan terasa sakit walaupun luka dan berdarah sebab telah dijampi oleh khalifah. Inilah yang dikatakan sebagai kebal seperti pada gambar 2.

Gong (gambar 3) dan rebana dabus (gambar 4) telah digunakan dalam tarian ini untuk mengiringi lagu dan pantun dabus. Pukulan gong, rebana dan lagu dabus diperdengarkan terlebih dahulu sebelum penari melangkah masuk. Ayat-ayat berzanji dalam lagu dabus diambil dari kitab berzanji *Bishahrin* (Bahasa Arab) dan diselang seli dengan pantun Bahasa Melayu. Tarian ini dianggotai oleh penari lelaki dan perempuan yang mempunyai pertalian kekeluargaan. Umur penari sekitar 17 tahun dan ke atas atau selagi sehat tubuh badan untuk mengendalikan persembahan. Menurut penggiat tarian dabus Tuan Hj. Ismail bin Ismail dan Encik Nasaruddin bin Abdullah Sani yang ditemubual (15 Oktorber 2012), kumpulan mereka gemar menampilkan penari perempuan berbanding lelaki kerana penari perempuan lebih berminat. Pakaian penari adalah sopan seperti serikandi Perak. Selain penari, ketua kumpulan perlu dilantik terlebih dahulu yang dikenali sebagai khalifah. Khalifah berperanan ‘menjaga’ (mengawal) aktiviti persembahan dan pandai menjampi untuk tarian dabus asli. Pemain muzik akan mengendalikan pukulan gong, rebana dan lagu dabus. Salah seorang daripada pemuzik akan mendendangkan lagu dabus selaku penyanyi utama dan anggota yang lain menjadi penyanyi iringan atau latar.

Tarian ini mempunyai empat jenis langkah iaitu langkah satu (sembah pahlawan), langkah dua (lirik), langkah tiga (lang sewah) dan langkah empat (rentak tengah tiga). Empat langkah ini mengandungi elemen dalaman motif gerak tari Melayu terdiri daripada kesatuan, variasi, sikuen, kontras, klimaks, transisi, repetasi, proposisi, selaras dan harmoni, keseimbangan, AB, AB rondo, tema dan variasi, Suite dan sonata (Mohd Nefi Imran Djamaan, 2003). Setiap langkah disusuli dengan gerak kaki, gerakan lengan dan tangan, gerakan badan, gerakan kepala dan muka serta mata. Langkah satu (sembah pahlawan) digerakkan sebagai pembuka tirai persembahan. Penari bergerak masuk ke gelanggang dari kiri atau kanan atau kedua-dua arah serentak setelah nyanyian lagu ke peringkat hadi. Penari akan menunduk hormat dan seterusnya mencangkung untuk memulakan tarian dengan bergerak ke hadapan empat langkah dan ke belakang empat langkah. Badan perlu diimbangi ketika berada diposisi mencangkung. Selepas empat langkah penari berdiri dan menunduk hormat. Langkah kedua (lirik) memerlukan pergerakan ke tepi empat langkah ke kanan dan ke kiri. Setelah selesai bergerak ke langkah ke tiga iaitu Lang Sewah. Langkah lang sewah lebih agresif seolah-olah menyerupai pergerakan burung helang.



Gambar 1: Bahan jampi



Gambar 2: Anak dabus



Gambar 3: Gong



Gambar 4: Rebana Dabus


Di dalam langkah ini penari berpusing ke kiri dan ke kanan dengan tangan di angkat tinggi dan dibukakan sebagaimana burung helang menyambar mangsanya. Penari boleh memilih untuk berpusing ke kanan atau kekiri dahulu. Langkah empat memerlukan pergerakan penari melompat sambil berpusing kaki. Penari melompat menggunakan sebelah kaki sahaja samada kaki kiri atau kanan. Sekiranya melompat menggunakan kaki kiri, kaki kanan di 'gantung' dan pusing ikut arah jam. Dan sekiranya kaki kanan lompat, kaki kiri di 'gantung' dan pusing ikut lawan jam. Tumit tidak berubah kedudukan ketika melompat. Pusingan dilakukan sebanyak empat kali. Kecekapan penari amat diperlukan untuk mengimbangi badan apabila melompat menggunakan sebelah kaki sahaja. Setelah selesai penari berhenti, penari bergerak bertemu khalifah untuk dijampi pada bahagian badan yang hendak dicucuk dengan anak dabus yang tajam diujungnya. Cucukan dilakukan dilengan, lebih kurang 10 kali dan lebih. Kesan cucukan adakalanya berdarah, tetapi tidak terasa sakit.

Setelah selesai sekali lagi penari bertemu khalifah untuk jampi penawar luka dan bisa cucukan anak dabus. Jika ingin teruskan geraktari, langkah pertama diulang semula. Contoh ragam dasar langkah empat (rentak tengah tiga) ditunjukkan seperti Ilustrasi 1. Pergerakan langkah empat (rentak tengah tiga) adalah paling istimewa kerana diakhiri dengan aksi menunjukkan kekebalan. Gambar 5 menunjukkan penari sedang mencucuk anak dabus ke lengan untuk menunjukkan kekebalan dan gambar 6 luka kesan cucukan anak dabus dijampi untuk mengelakkan

rasa sakit. Cara menunjukkan kekebalan didapati berbeza di setiap daerah mengikut kehendak masyarakat setempat dan kemampuan penari seperti mengangkat objek berat, mencucuk perut, memotong anggota badan dan lain-lain. Menurut Tuan Hj. Ismail bin Yusof dan Encik Nasaruddin bin Abdullah Sani (2012), persembahan tarian dabus di Kampong Tanjong Bidara mempunyai dua gaya iaitu persembahan gaya asli dan persembahan gaya kreatif. Adakah persembahan gaya kreatif ini adalah peralihan daripada gaya asli yang selalu dipersembahkan kepada umum?

4. Konsep Seni Dalam Islam

Islam merupakan agama fitrah bagi manusia. Justeru, setiap ajaran yang disyariatkannya sudah pasti tidak bertentangan dengan fitrah semulajadi manusia. Antara fitrah manusia ialah cenderung kepada seni dan keindahan. Perkataan seni yang disebut sebagai *art* dalam bahasa Inggeris dan *al-fann* dalam bahasa Arab membawa pengertian “sesuatu yang indah, halus, lembut, senang didengar atau ditutur, senang dilihat dan menerangkan sesuatu” (Mahayudin Yahaya, 2001). Seni merupakan ungkapan rasa yang halus dan suci yang kemudiannya dimanifestasikan melewati ciptaan buah fikiran manusia yang hasilnya mengandungi unsur keindahan. Ini bermakna seni sebenarnya timbul hasil daripada fitrah manusia yang sukakan keindahan.



Ilustrasi 1: Ragam Dasar Langkah Empat atau Rentak Tengah Tiga



Gambar 5: Penari mencucuk lengan



Gambar 6: Penari sedang dijampi luka

Manakala keindahan pula merujuk kepada rasa yang menggembirakan, menyenangkan, memuaskan, yang baik dan dihargai (Othman Mohd Yatim, 1989) tanpa melangkaui batas-batas syariat Islam. Bagi umat Islam, menghayati keindahan adalah sesuatu yang digalakkan sejajar dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah itu Maha Indah dan sukakan keindahan”
(Riwayat Muslim, Kitab al-Iman)

Menurut (Sidi Gazalba, 1988) kesenian adalah sebahagian daripada kebudayaan yang dicituskan oleh sesuatu kelompok manusia kerana setiap kelompok masyarakat mempunyai fitrah semulajadi yang cinta kepada seni yang menyenangkan hati melalui pancaindera rasa yang lima. Sebagai agama fitrah, Islam mensyaratkan hubungan manusia perlulah wujud dalam bentuk vertikal dan horizontal. Ini bermakna kehidupan manusia tidak boleh dipisahkan dari jalinan hubungan dengan Allah (*hablumminallah*) dan hubungan sesama manusia (*hablumminannas*).

Kedua-dua jaringan hubungan ini perlulah diaplikasikan dalam segenap aktiviti kehidupan muslim termasuklah dalam bidang seni. Justeru, dalam mentakrifkan seni Islam, menurut (Mohd Kamal Hassan, 1982) ia adalah kesenian yang mampu meningkatkan kehalusan dan keindahan budi manusia dalam membentuk hubungan antara manusia dengan al-Khaliq dan antara manusia dengan manusia. Jika ibadah merupakan tuntutan rohani, ilmu sebagai tuntutan akal, bersukan menjadi tuntutan tubuh badan, kesenian pula merupakan tuntutan naluri dan perasaan manusia. Namun begitu ia mestilah seni yang meningkatkan nilai dan naluri kemanusiaan manusia dan bukannya meruntuhkan. Dilihat dari sudut fungsi seni, (Sayyid Qutb, t.t) menegaskan bahawa kesenian dalam Islam mestilah menyedarkan orang akan kekuatan atau potensi dirinya dan menampakkan tujuan-tujuan hidup yang layak bagi manusia sebagai manusia. Rumusan kepada pandangan-pandangan di atas dapat disimpulkan bahawa kesenian dalam Islam mempunyai objektif dan tanggungjawab keagamaannya yang tersendiri tanpa mengira sama ada ianya digunakan untuk tujuan agama secara langsung ataupun tidak.

Seni dibentuk untuk melahirkan manusia yang baik dan beradab. Kesenian Islam berbeza dengan falsafah kesenian barat yang menghambakan seni semata-mata untuk seni. Dengan ertikata lain, seni bagi barat tidak perlu terikat dengan nilai-nilai agama. Ini mengakibatkan lahirnya seni yang liar dan tidak bermoral seperti menonjolkan karya-karya lucuh, mengagungkan syahwat kebinatangan, menyokong pergaulan tanpa batasan, menghina kepercayaan agama orang lain dan sebagainya. Fenomena ini menyuburkan seni yang tandus daripada nilai keindahan yang hakiki berdasarkan pertimbangan fitrah yang suci.

5. Pandangan Syarak Tentang Seni Tarian

Tarian bermaksud gerakan badan serta tangan dan kaki berirama mengikut rentak muzik. (Kamus Dewan, edisi keempat, 2005). Dalam sejarah umat Islam, terdapat perbezaan pendapat tentang seni tari. Imam Ahmad Ibn Taimiyah (m. 1328M) misalnya menentang keras seni tari dalam bukunya *Risalah fi al-Sima` wa al-Raqs wa al-Surakh (Risalah Tentang Mendengar Muzik, Tarian dan Nyanyian)*. Namun ada juga ulama yang membolehkan seni tari selagi mana ia tidak melanggar norma-norma Islam, seperti Ibrahim Muhammad al-Halaby (m. 1545M) (Abdurrahman al-Baghdadi, 2005). Imam Nawawi dalam kitabnya *Minhajut Thalibin* juga mengharuskan tari-tarian oleh kerana ada hadis tentang tarian bangsa Habsyi dalam Masjid Nabi. Manakala Ibn Hajar al-Haitami dalam kitabnya *Tuhfah* berpendapat tidak haram tarian dan tidak pula makruh, dengan bersandarkan kepada hadis yang sama (Sidi Gazalba, 1988). Imam al-Ghazali (2000) pula menyimpulkan bahawa menari diharuskan pada saat-saat bahagia seperti hari raya, pesta pernikahan, pulangnya seseorang ke kampung halamannya, di majlis pernikahan, majlis akikah atau pada majlis berkhatan. Semuanya ini hukumnya dibolehkan secara sederhana untuk menampakkan rasa gembira. Tetapi tarian itu mahupun jenis-jenis hiburan lainnya tidak layak dilakukan oleh para pemimpin yang menjadi pautan masyarakat. Ini bertujuan agar mereka tidak diperkecilkan oleh masyarakat, tidak dijatuhkan martabatnya atau tidak dijauhi oleh rakyatnya. Meskipun seni tari adalah harus pada dasarnya, tetapi keharusan ini tidaklah secara mutlak.

Terdapat syarat-syarat atau garis panduan yang perlu dipatuhi. Abdurrahman al-Baghdadi (2005) di dalam bukunya *Seni Dalam Islam* telah menggariskan pandangan syarak tentang seni tari sebagaimana berikut:

Umat Islam dilarang menyerupai orang kafir dalam hal-hal yang berkaitan urusan agama. Dalam hal ini ia termasuklah semua jenis tarian upacara keagamaan dan primitif. Sabda Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Tidak akan terjadi kiamat sebelum umatku menerima (mengambil) apa-apa yang dilakukan oleh bangsa-bangsa yang terdahulu (abad-abad silam) sejengkal demi sejengkal, sehasta demi sehasta. Sehingga ketika mereka masuk ke lubang biawak, kalian pun mengikutnya”. Para sahabat bertanya: “Wahai Rasulullah, apakah yang engkau maksudkan di sini adalah seperti bangsa-bangsa Parsi dan Rumawi? Rasulullah SAW menjawab, “Siapa lagi kalau bukan mereka.” (Riwayat Bukhari)

Dalam riwayat lain disebutkan bahawa yang diikuti oleh kaum muslimin itu ialah orang Kristian dan Yahudi.

Setiap tarian yang berpasangan lelaki dan wanita yang bercampur baur dan diiringi dengan instrumen muzik adalah haram hukumnya kerana Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Ghirah itu adalah sebahagian daripada iman sedangkan miza’ adalah sebahagian daripada nifaq”
(Riwayat al-Bazzar dan al-Baihaqi)

Imam Ibnu Atsir menafsirkan *miza’* dengan maksud:

- a. Lelaki yang membawa masuk sejumlah lelaki ke rumahnya untuk mencampuri isterinya.
- b. Ada yang berpendapat perkataan tersebut berasal daripada “*amzaitul faras*” yang bermaksud “aku telah melepaskan kudaku untuk merumput.”

Berdasarkan keterangan di atas, menjelaskan bahawa percampuran lelaki dan wanita yang bukan mahram dalam bentuk apapun adalah haram, termasuklah majlis tari menari. Menurut ketentuan syarak, setiap sesuatu yang membawa kepada ketentuan haram maka ia adalah haram sebagaimana kaedah syarak yang berbunyi “Sesuatu yang membawa kepada haram, maka ia haram pula (dikerjakan).” Pada hari ini, kebanyakan tarian melibatkan percampuran di antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim. Bahkan ia juga tidak terlepas daripada perbuatan-perbuatan haram yang lain seperti berpegangan tangan, berpelukan dan adakalanya disertai dengan meminum minuman keras sehingga mabuk. Ia sering menjerumuskan mereka kepada dosa seterusnya iaitu zina. Firman Allah dalam Surah al-Isra’: 32 yang bermaksud:

“Jangan kamu mendekati zina kerana sesungguhnya dia itu kotor dan cara yang tidak baik.”

Pada dasarnya Islam mengharuskan seni dan hiburan kerana ia menjadi sebahagian daripada fitrah kehidupan manusia. Dalam membincangkan isu seni dan hiburan di Malaysia, JAKIM juga telah pun mengeluarkan garis panduan bertujuan memberi panduan kepada mereka yang terlibat dalam industri hiburan merangkumi nyanyian, muzik, tarian dan lainnya. Khusus tentang persembahan tarian, garis panduannya adalah sebagaimana berikut:

- i. Berpakaian kemas, sopan serta tidak memakai pakaian yang boleh mendedahkan diri kepada eksploitasi penonton dan tidak bercanggah dengan kehendak Islam.
- ii. Gerak tari yang dipersembahkan tidak menimbulkan fitnah.
- iii. Tidak berlaku percampuran antara lelaki dengan perempuan yang boleh menimbulkan fitnah.
- iv. Tidak bertujuan pemujaan dan penyembahan.
- v. Tidak dipersembahkan dengan gaya yang memberahikan.

Garis panduan berkenaan seni tari juga boleh dirujuk kepada pandangan ulama kontemporari, Dr. Yusuf al-Qaradhawi di dalam bukunya *Fatawa Mu`asiroh*:

- i. Tidak bertentangan dengan adab Islam dan ajarannya. Tarian yang menampakkan aurat, yang membawa kepada kelalaian, adanya percampuran lelaki dan perempuan adalah jelas keharamannya kerana ianya bertentangan dengan perintah Allah SWT.
- ii. Memperhatikan bentuk tariannya. Tarian yang membangkitkan syahwat adalah dilarang.
- iii. Tidak boleh diiringi dengan sesuatu yang haram seperti meminum arak, memperlihatkan aurat, memanggil jin dan sebagainya. Apabila bercampur dengan yang haram maka tarian itu pun menjadi haram.
- iv. Tidak melampaui batas dan berlebih-lebihan kerana ianya dilarang di dalam Islam.

- v. Bagi mereka yang melihat atau mendengarkan. Setiap orang yang melihat tarian ataupun mendengarkan lagu-lagu sehingga membangkitkan syahwat, menimbulkan fitnah serta menghilangkan kewarasan akal yang sihat, maka ianya wajib dijauhi.

6. Amalan persembahan tarian dabus selepas pengaruh Islam

6.1 *Jampi Dan Doa*

Jampi atau bahasa Arabnya ruqyah membawa maksud doa-doa atau lafaz-lafaz yang dibaca dan kemudian ditiupkan padanya. Jampi bertujuan untuk berlindung dari segala keburukan yang tidak diingini. Jampi boleh memberikan kesan kepada tubuh dan juga kepada roh. Ada yang diharuskan dan ada juga yang termasuk dalam syirik yang dilarang. Antara syarat penting bagi mengharuskan jampi ialah;

- i. Hendaklah berjampi dengan al-Quran atau nama-nama Allah atau sifat-sifatNya atau apa yang sabit dengan al-Sunnah.
- ii. Jampi dalam bahasa Arab dan diketahui maknanya.
- iii. Tidak boleh beriktikad bahawa jampi itu memberi kesan manfaat dengan sebab dirinya sendiri. Bahkan wajib beriktikad ia dengan takdir Allah SWT.

Menjampi dengan jampi yang tidak diketahui maknanya tidak diharuskan, lebih-lebih lagi sekiranya jampi itu mengandungi kalimah syirik. Syirik boleh berlaku apabila seseorang berkeyakinan bahawa jampi mentera memberi kesan sama ada untuk menyembuhkan, memberi perlindungan, kekuatan dan sebagainya, meminta perlindungan iblis dan syaitan atau memuja jin dan mempercayai bahawa makhluk halus mempunyai kuasa menyembuhkan atau memberi mudarat (Dato' Setia Hj. Mohd Tamyas bin Abd. Wahid, 2007; Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani, 2008). Amalan jampi dan doa dalam tarian dabus masih dikekalkan tanpa melanggar hukum syarak.

6.2 *Amalan Tepung Tawar Dan Pemujaan*

Berhubung dengan amalan menepung tawar, jika sekiranya amalan tersebut diiktikadkan sebagai suatu amalan yang jika dilakukan akan memberi manfaat, seperti boleh melindungi daripada bahaya, menolak bala (sebagaimana asalnya dalam agama Hindu), atau jika tidak dilakukan akan membawa mudarat seperti menyebabkan berlaku sesuatu yang tidak baik atau dilakukan kerana mengharap berkat daripadanya, maka keyakinan sedemikian itu boleh menjejaskan atau membawa kepada rosaknya aqidah. Begitu juga, jika adat itu menjadi suatu yang dilarang dalam Islam, sekiranya dilakukan sebagai pemujaan kepada jin atau makhluk-makhluk halus, maka adat sedemikian wajib ditolak dan ditinggalkan. (<http://infad.usim.edu.my>). Oleh yang demikian menurut Encik Nasaruddin bin Abdullah Sani (2012), amalan ini tidak diamalkan lagi walaupun khalifah mempunyai ilmu menjampi yang dipelajari daripada bapanya. Alat-alat jampi dan anak dabus masih kekal disediakan tetapi hanya untuk melengkapkan proses persembahan (Nasaruddin bin Abdullah Sani, 2012).

6.3 *Aksi cedera dan penggunaan senjata tajam*

Menerusi al-Quran, Allah secara jelas melarang perbuatan yang merosakkan dan mencampakkan manusia kepada kebinasaan. Firman Allah di dalam surah al-Baqarah : 195 yang bermaksud:

“...dan janganlah kamu mencampakkan diri kamu kepada kebinasaan, dan berbuat baiklah. Sungguh Allah menyukai orang yang berbuat baik.”

Perbuatan mencederakan diri adalah perbuatan yang dilarang di dalam Islam. Merujuk kepada matlamat syariat Islam (*maqasid al-syari'ah*), penetapan syariat adalah bertujuan untuk menjaga 5 perkara penting (al-kulliyat al-khamsah) iaitu agama, jiwa, akal, keturunan dan harta benda. Menjaga jiwa bermaksud memberi hak seseorang manusia untuk dia hidup dalam keadaan baik, aman dan tenteram. Hal ini juga termasuklah menjaga anggota tubuh badan mereka daripada dcedera, dirosak dan dihilangkan (Abdul Adib Husin, 2012). Justeru itu Islam melarang sebarang perbuatan membunuh atau mencederakan sama ada ke atas orang lain atau pun diri sendiri. Ini kerana tubuh badan manusia adalah milik mutlak Allah SWT dan bukannya milik manusia. Asas larangan mencederakan

diri juga dapat dilihat daripada kaedah fiqh yang menyebut *al-dharoru yuzal* (kemudaratan hendaklah dihilangkan). Justeru, menurut Islam, perbuatan yang boleh membawa kepada kemudaratan yang asasi iaitu melibatkan agama, nyawa, akal, harta, keturunan dan maruah hendaklah dihindarkan (Rasid Muhamad, Mohd Yadman Sarwan, & S. Salahdin Suyurno, 2008). Berhubungan dengan itu, Encik Ismail bin Yusof (2012) menjelaskan kini anak dabus yang digunakan di dalam tarian adalah tumpul. Malah dalam persembahan anak dabus tidak lagi benar dicucuk kelengan tetapi hanya digayakan sahaja secara kreatif.

6.4 Menutup aurat

Menutup aurat adalah wajib bagi setiap muslim yang mukallaf. Hatta dalam keadaan bersendirian, aurat tetap wajib ditutup kecuali kerana ada keperluan seperti mandi, membuang air kecil dan air besar, ketika beristinja' dan lain-lain. Ini merupakan pendapat yang rajih (kuat) di kalangan al-Shafiiyyah dan al-Hanafiiyyah (Muhammad Abdul `Aziz `Amr, 2007). Dalam tarian dabus kini pakaian penari perempuan digayakan seolah-olah seri kandi yang menutup aurat seperti berhijab, baju labuh dan seluar panjang.

6.5 Percampuran lelaki dan perempuan

Merujuk kepada garis panduan tarian yang dikemukakan oleh pihak JAKIM, seni tarian yang dipersembahkan mestilah tidak berlakunya percampuran antara lelaki dan perempuan. Percampuran antara jantina ini atau dalam bahasa Arabnya disebut *ikhtilat* adalah perbuatan yang dilarang dalam Islam sekiranya tiada sebarang keperluan yang dibolehkan oleh agama. Dalam tarian dabus yang diamalkan kini, penari perempuan dan lelaki tidak mengadakan persembahan secara serentak. Pergerakan tarian dilakukan secara sopan.

KESIMPULAN

Tarian dabus masih diminati dalam kalangan masyarakat Melayu. Persembahannya dilakukan mengikut jemputan dan terhad. Dahulunya persembahan ini diadakan secara terbuka dalam kumpulan yang besar di khalayak ramai namun kini tidak lagi. Hasil tinjauan mendapati penggiat tarian dabus menyedari bahawa ada sebahagian daripada amalan dalam tarian dabus asli yang perlu ditinggalkan kerana bercanggah dengan syariat Islam, justeru itu amalan tersebut tidak diamalkan lagi. Walau bagaimanapun mengikut pendapat khalifah tarian dabus Encik Nasiruddin bin Abudullah Sani yang ditemubual beliau menuntut ilmu mengendalikan tarian dabus (jampi) daripada ayah beliau. Sekiranya ilmu tersebut tidak boleh diamalkan lagi beliau hanya mengadakan persembahan tarian dabus gaya kreatif sahaja. Persembahan tarian gaya kreatif tidak mempunyai sebarang jampi serapah dan unsur separuh lupa. Ia hanya menyusun langkah pergerakan tari seperti juga gaya asli. Doa dari Ayat-ayat al-Quran sahaja yang dibacakan untuk memastikan persembahan dapat diadakan dengan baik. Jika tiada amalan menjampi, tepung tawar juga tidak dilakukan.

Aksi mencucuk anak dabus pada lengan juga tidak dilakukan terutamanya sehingga berdarah, hanya membuat aksi olok-olok mencucuk lengan dengan menggunakan anak dabus tumpul. Langkah ini tidak mencederakan diri sendiri. Tidak ada sebarang persaingan di antara kumpulan penari. Hanya tontonan umum dan mengikut minat penonton. Lagu-lagu zikir yang didendangkan membantu membina kesedaran Islam dalam kalangan penonton. Aurat penari perempuan juga dipelihara dengan memakai hijab, baju labuh dan seluar panjang. Percampuran penari perempuan dan lelaki dielakkan. Jadi peraturan dan amalan geraktari asli tarian dabus sebelum kesedaran tentang Islam telah dapat diubah sesuai selaras dengan syariat Islam. Kerjasama berpasukan dalam tarian menjadi lebih erat berkongsi pengalaman, perbelanjaan dan penyertaan.

RUJUKAN

Abdurrahman al-Baghdadi. (2005). *Seni Dalam Islam*. Semenyih: Synergymate Sdn. Bhd.

Amat Juhari Moain. (1990). *Kepercayaan Orang Melayu Berhubung Dengan Pertanian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Asmad. (1990). *Kesenian Tari: Siri Bunga Rampai Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Associated Educational Distributors (M) Wdn. Bhd.

- Dato' Setia Hj. Mohd Tamyas bin Abd. Wahid. (2007). Kertas Kerja Amalan Kebatinan Dalam Persembahan Kesenian Tradisional Masyarakat Melayu.
- Imam al-Ghazali. (2000). *Halal dan Haram Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Ismail bin Yusof (2012, 15 Oktober 2012). [Tarian Dabus].
- Mahayudin Yahaya. (2001). *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Nazri Ahmad. (1998). *Dondang Sayang dan Seni Dabus. Siri Kebudayaan Tradisional*. Kuala Lumpur: Pustaka Mawar.
- Mohamed Ghouse Nasaruddin. (1994). *Tarian Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Kamal Hassan. (1982). *Konsep Keindahan Dalam Islam Dan Hubungannya Dengan Seni Sastera : Suatu Pandangan Umum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nefi Imran Djamaan. (2003). *Tarian Melayu: Satu kajian berdasarkan Festival Tari Kebangsaan Universiti Malaya Kuala Lumpur*.
- Muhammad Abdul `Aziz `Amr. (2007). *Pakaian dan Perhiasan Dalam Syariat Islam*. Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd.
- Nasaruddin bin Abdullah Sani (2012, 15 Oktober 2012). [Tarian Dabus].
- Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani. (2008). *Soal Jawab Remeh Temeh Tentang Akidah Tapi Anda Malu Bertanya*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Othman Mohd Yatim. (1989). *Warisan Kesenian Dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rasid Muhamad, Mohd Yadman Sarwan, & S. Salahdin Suyurno. (2008). *Pengurusan Islam Teori dan Praktis*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Rozimah bt Bidin, & Maziah Abd Rashid. (2007). *Tarian Dabus: Satu Aplikasi Multimedia Tarian Tradisi Melayu*. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.
- Sayyid Qutb. (t.t). *Fi al-Tarikh Fikratun wa Manhajun*. Jakarta: Yayasan al-Amin.
- Sidi Gazalba. (1988). *Islam dan Kesenian*. Jakarta: Penerbit Pustaka al-Husna.
- Tn Hj. Ismail bin Yusof, & Nasaruddin bin Abdullah Sani (2012, 15 Oktober 2012). [Tarian Dabus].
- Zarinah Hj. Sarifan. (1996). *Kajian Awal Tarian Dabus Negeri Perak*. Malaysia: Jabatan Muzium & Antikuiti Perak.
- Zarinah Sarifan. (1996). *Kajian awal tarian dabus negeri Perak*. Malaysia: Jabatan Muzium dan Antikuiti Perak.